

PROGRAM BANTUAN BAYARAN – Bagi Overdraf/Cashline-i

6 Ogos 2021

No.	Question	Answer
1	Bagaimanakah CIMB membantu para pelanggan yang terkesan ketika ini?	<p>Sejajar dengan pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia pada 28 Jun 2021, kami telah memperluaskan Program Bantuan Bayaran kami kepada mana-mana individu yang terkesan.</p> <p>Bagi pelanggan Overdraf/Cashline-i, bantuan yang ditawarkan merupakan 6 bulan moratorium (tempoh penangguhan) ke atas jumlah melebihi had kemudahan yang diluluskan di mana jumlah melebihi had tersebut merupakan jumlah yang perlu dibayar.</p> <p>Kami menggesa pelanggan yang memerlukan bantuan untuk menghubungi kami bagi membincangkan pilihan bantuan kewangan yang bersesuaian. Pelanggan diberi jaminan bahawa sebarang bantuan kewangan yang mereka pilih tidak akan mempengaruhi status CCRIS (“Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat”) mereka.</p>
2	Siapakah yang layak menyertai Program ini?	Pelanggan Overdraf/Cashline-i individu yang mempunyai jumlah melebihi had tidak melebihi 90 hari yang belum dibayar, iaitu tidak tertunggak melebihi 90 hari.
3	Adakah saya akan didaftarkan secara automatik untuk Program ini?	<p>Tiada pendaftaran automatik untuk Program ini. Jika anda ingin menyertai Program bantuan ini, sila hubungi kami melalui saluran di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788; atau • Kunjungi cawangan CIMB; atau • E-mel kami di covidcare@cimb.com
4	Bilakah Program ini akan bermula?	Bantuan daripada Program ini akan bermula pada bulan yang seterusnya selepas permohonan/ kelulusan dibuat/diperolehi.
5	Bolehkah saya menyertai Program ini sekiranya saya telah berdaftar dalam ‘Bantuan Bayaran menurut Program Moratorium Automatik Covid-19 CIMB ATAU Kemudahan saya terjadual dalam pengurangan had berkala?	<p>Boleh. Namun begitu, harap maklum bahawa akaun Pinjaman/pembiayaan anda hanya boleh didaftarkan dalam satu program bantuan bayaran sahaja pada satu masa.</p> <p>Sekiranya anda telah berdaftar dalam ‘Bantuan Bayaran menurut Program Moratorium Automatik Covid-19 CIMB (“Program”) Overdraf / Cashline-i</p>

No.	Question	Answer
		<p>("Program Terdahulu"), program tersebut akan dihentikan sebaik sahaja Program ini dimulakan. Jumlah melebihi had yang belum dibayar dari Program Terdahulu perlu dibayar sebagai pembayaran sekaligus apabila tamat tempoh 6 bulan moratorium (tempoh penangguhan).</p> <p>Sekiranya Overdraf / Cashline-i anda telah dijadualkan dengan pengurangan had berkala, ia akan ditangguhkan buat sementara waktu dan akan disambung semula sebulan selepas 6 bulan moratorium (tempoh penangguhan) berakhir berdasarkan kitaran pengurangan had berkala yang lebih awal (bulanan, suku tahunan, setengah tahun atau tahunan).</p>
6	Adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen untuk memohon?	Tiada dokumen diperlukan.
7	Adakah ianya lebih baik atau sebaliknya untuk saya menyertai Program ini?	Kami ingin anda membuat keputusan yang tepat. Sila rujuk butiran-butiran di dalam jadual A.
8	Saya tidak dapat membayar jumlah yang melebihi had dan faedah/keuntungan secara sekaligus setelah Program ini berakhir, adakah jumlah ini dapat dikurangkan?	<p>Kami mengesyorkan anda menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran untuk jumlah yang melebihi had dan faedah/keuntungan terakru selepas Program berakhir.</p> <p>Sebagai alternatif, kami boleh merujuk maklumat pinjaman / pembiayaan anda ke Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK).</p>
9	Bolehkah saya terus menggunakan kemudahan Overdraf/Cashline-i saya semasa dalam tempoh program?	Ya, anda boleh terus menggunakan kemudahan Overdraf/Cashline-i selagi akaun anda mempunyai had boleh guna.
10	Apakah yang boleh saya lakukan untuk mengurangkan pembayaran bagi Overdraf/Cashline-i sekiranya keadaan kewangan saya bertambah baik?	<p>Kami mengesyorkan anda membuat pembayaran ke akaun Overdraf/Cashline-i anda sekiranya keadaan kewangan anda bertambah baik. Ini akan membantu anda mengurangkan baki belum dijelaskan yang mana ia akan mengurangkan faedah / keuntungan yang dikenakan.</p> <p>Anda boleh melakukannya pada bila-bila masa, termasuk semasa 6 bulan moratorium (tempoh penangguhan) dan tidak perlu memberitahu kami terlebih dahulu.</p>

Jadual A: Overdraif/Cashline-i – Membuat keputusan yang tepat

Programme Offer: 6-Month Moratorium (Deferment Period)	
Bayaran	<p>Pembayaran untuk jumlah yang melebihi had yang telah diluluskan tidak perlu dilakukan selama 6 bulan ke depan.</p> <p>Anda mesti menyambung pembayaran bagi jumlah melebihi had dan faedah / keuntungan terakru setelah 6 bulan moratorium (tempoh penangguhan) selesai. Ini akan membantu mengelakkan baki belum dijelaskan terkumpul, yang akan mengakibatkan jumlah melebihi had overdraif / cashline-i anda yang lebih tinggi.</p>
Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar	<p>Faedah / keuntungan dan faedah / keuntungan tertunggak (jika berkenaan) akan dikenakan seperti biasa sehingga Program bermula</p> <p>Bagi kemudahan Overdraif, semasa 6 bulan moratorium (tempoh penangguhan), faedah akan dikira pada baki belum dijelaskan pada permulaan program dan ia akan terakru. Walau bagaimanapun, ia tidak akan dicaj ke akaun anda dan dengan demikian, ia tidak akan dikompaun.</p> <p>Bagi kemudahan Cashline-i, semasa 6 bulan moratorium (tempoh penangguhan), keuntungan akan dikira pada baki belum dijelaskan tidak termasuk jumlah keuntungan yang terakru (jika ada) pada permulaan program dan ia akan terakru. Walau bagaimanapun, ia tidak akan dicaj ke akaun anda dan dengan demikian, ia tidak akan dikompaun.</p> <p>Selepas 6 bulan, faedah/keuntungan dan sebarang jumlah melebihi had perlu dibayar dan pembayaran hendaklah dibuat sekaligus.</p>
Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<p>Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana tidak perlu membayar selama 6 bulan.</p> <p>Anda akan membayar jumlah yang lebih tinggi dalam jangka masa yang panjang oleh sebab berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kos pinjaman/pembiayaan yang lebih tinggi berikutan faedah/keuntungan meningkat. ✓ Pada akhir Program, anda diminta untuk membuat pembayaran sekaligus untuk jumlah melebihi had dan faedah / keuntungan terakru.